

PERTANDINGAN



REKABENTUK  
MALAYSIA

PERTANDINGAN  
REKABENTUK MALAYSIA  
2015

# Bencana Alam

---

## PENGURUSAN BANJIR

(sebelum/semasa/selepas)



## Matlamat

Memberi pengiktirafan ke atas kreativiti dan kemampuan pereka muda tempatan sebagai sumbangan terhadap pembangunan rekabentuk di Malaysia.

## Objektif

Menggalakkan pereka tempatan untuk melahirkan lebih banyak idea kreatif dan inovatif berdasarkan kepada tema yang dipertandingkan.

Memberi peluang kepada pereka tempatan untuk bersama-sama menyumbang idea kepada sektor pembuatan melalui rekabentuk berkualiti, kreatif dan kompetitif untuk dikomersilkan.

Sebagai landasan kerjasama di antara pereka dan industri untuk bergabung dalam menghasilkan produk yang berkualiti, di samping menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi rekabentuk.

## Tema Pertandingan

### Bencana Alam : Pengurusan Banjir (Sebelum/Semasa/Selepas)

Saban tahun negara kita akan dilanda banjir. Namun peristiwa pada Disember tahun lalu bukanlah musibah biasa kerana telah menjadi catastrophe atau bencana yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi, kemusnahan alam sekitar selain turut memberikan kesan kepada emosi mangsa-mangsa yang terlibat.

Di dalam konteks ini, rekabentuk boleh menjadi medium yang dapat mengurangkan impak ke atas sosio-ekonomi mangsa yang terlibat. Tema 'Bencana Alam : Pengurusan Banjir' mencabar kreativiti para peserta untuk mencadangkan idea yang boleh digunakan dan dimanfaatkan oleh pelbagai sektor seperti sektor pendidikan, pertanian, perubatan & kesihatan, pengangkutan, infrastruktur dan sebagainya sebelum, semasa dan selepas bencana banjir berlaku.

## Syarat Penyertaan

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia dari pelbagai kategori seperti pelajar sekolah menengah, pelajar institusi pengajian tinggi dan pereka dari pelbagai disiplin rekabentuk seperti rekabentuk perindustrian, rekabentuk grafik dan pembungkusan, rekabentuk kejuruteraan, rekabentuk software, rekabentuk senibina, rekabentuk hiasan dalaman, rekabentuk seni logam halus, rekabentuk seramik, rekabentuk fesyen dan lain-lain disiplin yang berkaitan, termasuk orang awam.
2. Idea rekabentuk mestilah asli dan tidak pernah dikomersil, dipamer atau diajukan kepada mana-mana sektor pembuatan.
3. Produk-produk yang pernah memenangi mana-mana pertandingan rekabentuk sebelum ini atau didapati ditiru dari mana-mana sumber adalah TIDAK LAYAK untuk menyertai pertandingan ini. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan atau membatalkan kemenangan sekiranya perkara tersebut didapati berlaku sebelum atau selepas keputusan muktamad dibuat.
4. Setiap peserta hanya layak menyertai satu (1) kategori penyertaan sahaja.

Kategori penyertaan adalah seperti berikut :

### Kategori Pelajar Sekolah

Pelajar sekolah yang berumur 18 tahun dan ke bawah

### Kategori Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Pelajar dari universiti / kolej / politeknik / maktab / institut latihan perindustrian dan lain-lain samada awam atau swasta

### Kategori Profesional

Semua individu tanpa mengira bidang pengkhususan dan sedang bekerja samada secara persendirian atau dengan syarikat atau jabatan kerajaan.

5. Peserta adalah digalakkan supaya menyertai pertandingan ini secara individu. Bagaimanapun penyertaan secara berkumpulan adalah dibenarkan, tetapi tidak melebihi dua (2) orang peserta.
6. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan, kerosakan atau kehilangan dokumen atau produk sebelum atau selepas penyertaan.
7. Perlindungan idea rekabentuk (Akta Perlindungan Harta Intelek) adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan sekiranya ada mana-mana pihak yang didapati meniru idea peserta untuk dibangunkan secara tidak sah tanpa pengetahuan pihak penganjur, ia adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan.
8. Semua idea rekabentuk yang terpilih ke peringkat akhir akan disimpan oleh pihak penganjur bagi tujuan dokumentasi.
9. Pihak penganjur akan memaklumkan kepada mana-mana peserta sekiranya idea rekabentuk mereka terpilih untuk dibangunkan dalam program pembangunan produk.
10. Penyertaan yang tidak berjaya memenangi sebarang hadiah dalam pertandingan ini bolehlah dituntut semula oleh peserta dalam tempoh dua (2) bulan selepas keputusan diumumkan.

## Kriteria Penilaian

Pihak penganjur berhak melantik mana-mana panel penilai bagi menilai penyertaan dan keputusan panel penilai adalah muktamad. Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:

1. **Kecenderungan Inovasi, Kreativiti dan Keaslian Rekabentuk (30%)**  
Kreativiti idea dalam menghasilkan rekabentuk dan kaedah baru atau diperbaiki fungsinya yang memberi manfaat dalam penggunaan.
2. **Kandungan Unsur Simbolik, Emosi, Estetika dan Penampilan (20%)**  
Daya menarik produk yang boleh mempengaruhi pengguna atau membawa mesej tertentu yang memberikan nilai tambah kepada produk dan pengguna. Ciri-ciri mesra alam yang terdapat pada rekabentuk produk, samada melibatkan pengguna atau persekitaran.
3. **Kecenderungan Fungsi dan Praktikal (20%)**  
Kekuatan bagi memenuhi sasaran penggunaan, keperluan semasa dan penyelesaian masalah.
4. **Kekuatan Kualiti dan Kebolehpasaran (20%)**  
Idea rekabentuk dapat menerangkan kebolehan pembuatan, rupabentuk, penggunaan bahan, teknologi dan kebolehpasaran.
5. **Ergonomik (10%)**  
Mengimbangi interaksi penggunaan di antara pengguna dan persekitaran dengan produk secara fizikal atau psikologi (contoh : keselesaan, memudahkan penggunaan atau ciri-ciri keselamatan)

## Penyerahan Penyertaan

### Peringkat Awal

1. Setiap penyertaan yang dihantar hendaklah disertai dengan borang penyertaan yang telah dilengkapkan (berasingan bagi setiap idea rekabentuk). Borang juga boleh difotostat atau dimuat turun dari laman web MRM.
2. Penyertaan haruslah dihantar bersama dengan satu laporan ringkas berbahasa Melayu yang ditaip pada kertas berukuran A4, yang mengandungi maklumat atau rasional konsep rekabentuk dengan tidak melebihi 500 patah perkataan.
3. Nama, tandatangan, nama sekolah, institusi pengajian tinggi, dan gambar individu tidak dibenarkan ditulis atau dilekatkan pada mana-mana bahagian setiap dokumen dan lukisan persembahan.

4. Peserta juga perlu menghantar :

- 4.1 Lukisan lakaran perkembangan idea
  - 4.2 Lukisan/Lukisan 3D pandangan atas hadapan, belakang, sisi dan perspektif
  - 4.3 Lukisan teknikal pandangan atas, hadapan, belakang dan sisi,
  - 4.4 Lain-lain yang berkaitan
5. Media atau bahan untuk lukisan persembahan adalah bebas menggunakan kertas berukuran **A3** (420 cm x 297 cm).
6. Tarikh tutup penghantaran Penyertaan Peringkat Awal adalah pada **30 SEPTEMBER 2015**.
7. Keputusan Peringkat Awal akan diumumkan di laman web MRM dan melalui surat rasmi.

### Peringkat Akhir

1. Hanya 18 idea rekabentuk sahaja yang akan dipilih ke peringkat akhir (6 idea rekabentuk bagi setiap kategori).
2. Peserta yang terpilih perlu menyediakan sebuah model atau prototaip berukuran penuh atau berskala bagi menggambarkan rupabentuk sebenar idea yang dicadangkan.
3. Model atau prototaip mestilah berkualiti, kemas dan menarik serta berfungsi sekurang-kurangnya 70%.
4. Bahan bagi penyediaan model atau prototaip adalah bebas.
5. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos penyediaan/pembuatan model/prototaip, perbelanjaan penghantaran, kerosakan atau kehilangan model/prototaip sebelum atau selepas penyertaan.
6. Tarikh tutup penghantaran Penyertaan Peringkat Akhir ialah pada **28 NOVEMBER 2015**.
7. Penyertaan yang berjaya ke peringkat akhir akan diumumkan di laman web MRM dan melalui surat rasmi.

## Hadiah

Semua peserta akan menerima satu sijil penyertaan. Penyertaan yang terpilih sebagai pemenang akan menerima hadiah seperti berikut:

### Kategori Pelajar Sekolah

<b>Hadiah Pertama</b>	- <b>RM4,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Kedua</b>	- <b>RM3,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Ketiga</b>	- <b>RM2,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
3 x Hadiah Saguhati	- <b>RM1,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang

### Kategori Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

<b>Hadiah Pertama</b>	- <b>RM7,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Kedua</b>	- <b>RM5,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Ketiga</b>	- <b>RM3,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
3 x Hadiah Saguhati	- <b>RM2,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang

### Kategori Profesional

<b>Hadiah Pertama</b>	- <b>RM10,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Kedua</b>	- <b>RM7,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
<b>Hadiah Ketiga</b>	- <b>RM5,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang
3 x Hadiah Saguhati	- <b>RM3,000.00</b> - Trofi & Sijil Pemenang

Disokong oleh

Dianjurkan oleh